

16 Oktober 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Semula Persijilan Untuk IOI Corporation Berhad - Pamol Plantations Sdn Bhd (Kilang Kelapa Sawit Pamol), Kluang, Johor, Malaysia**

IOI Corporation Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula persijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Pamol dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit		
<b>Nama Kilang</b>	Kilang Kelapa Sawit Pamol	
<b>Kapasiti Kilang (ton/jam)</b>	60 MT/jam	
<b>Alamat/Lokasi</b>	8 1/2 Miles, Jalan Mersing Road, 86007 Kluang, Johor, Malaysia	
<b>Rujukan GPS</b>	<b>Latitude/Garis lintang</b>	002° 06' 39.89" N
	<b>Longitude/Garis bujur</b>	103° 23' 30.52" E

Ladang Sawit					
Ladang	Alamat/Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan ditanam (Ha)	Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)
		Latitude/Garis lintang	Longitude/Garis bujur		
Ladang Pamol Timur MPOB Lesen No.: 504178602000	Jalan Kluang-Mersing, 86000 Kluang, Johor, Malaysia	002° 06' 39.48" N	103° 23' 32.25" E	2,098.00	2,296.11
Ladang Pamol Barat MPOB Lesen No.: 504177802000	Jalan Kluang-Paloh, 86000 Kluang, Johor, Malaysia	002° 06' 46.90" N	103° 20' 37.99" E	2,124.00	2,310.32
Ladang Mamor MPOB Lesen No.: 511691002000	Jalan Kluang-Paloh, 86000 Kluang, Johor, Malaysia	002° 08' 43.14" N	103° 18' 21.49" E	2,073.00	2,225.47
Ladang Unijaya MPOB Lesen No.: 504524202000	Batu 5, Sri Lalang, Jalan Batu Pahat, K.B. 511, 86009 Kluang, Johor, Malaysia	001° 56' 26.04" N	103° 16' 41.47" E	1,160.00	1,260.64
Ladang Kahang MPOB Lesen No.: 502165302000	Peti Surat 14, 86700 Kahang, Johor, Malaysia	002° 19' 55.72" N	103° 29' 51.83" E	2,278.00	2,419.90
Ladang Swee Lam MPOB Lesen No.: 617329002000	K.B. 107, 81000 Kulai, Johor Malaysia	001° 40' 28.95" N	103° 39' 13.56" E	1,098.00	1,160.96
<b>Jumlah Luas Ladang</b>				<b>10,831.00</b>	<b>11,673.40</b>

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian semula pensijilan bagi Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Pamol dan ladangnya pada 27 November - 01 Disember 2023. Penilaian semula pensijilan ini akan diadakan mengikut standard MS 2530-4:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 4: General Principles for

Palm Oil Mills dan MS 2530-3:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders.

Rujukan bagi standard boleh didapati secara atas talian di <https://www.mpooc.org.my/oil-palm-management-standard>. Penilaian akan merangkumi isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawai Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan penilaian semula pensijilan ini terdiri daripada:

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Isa bin Hasim	Ketua Juruaudit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Diploma Kejuruteraan Mekanikal UiTM dan Diploma Palm Oil Milling Technology &amp; Management MPOB.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 8 tahun dalam industri perladangan dan 2 tahun dalam pengendalian loji petrokimia yang berkaitan dengan isu keperluan keselamatan, alam sekitar, MSPO, RSPO dan ISCC.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit MSPO, MSPO SCCS, ISO 9001, IMS, RSPO P&amp;C dan RSPO SCCS.</li> </ul>
Azman bin Samion	Ahli Pasukan Aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak dan polisi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan Tani pada tahun 1988, dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2007.</li> <li>- Mempunyai 30 tahun pengalaman dalam industri perladangan dan 10 tahun pengalaman bekerja di Indonesia diperingkat pengurusan kanan.</li> <li>- Bertanggungjawab ke atas pelaksanaan strategi pengurusan, menetapkan, dan menyemak sasaran dan memastikan KPI dan objektif syarikat dipenuhi. Beliau menguruskan estet matang/tidak matang dan pembangunan tanah, termasuk tapak semaian dan bekerja dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, agensi kerajaan dan NGO untuk melaksanakan undang-undang dan menguatkuasakan peraturan.</li> <li>- Beliau mempunyai pengalaman luas dalam ladang kelapa sawit yang meliputi pembangunan tanah, tapak semaian kelapa sawit, dan pemeliharaan kelapa sawit yang belum matang serta di kawasan pengeluaran.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk MSPO, ISO 9001, Integrated Management System (ISO</li> </ul>

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
		9001:2015 & ISO 14001:2015), ISO 45001, ISO 37001 dan MS ISO 37001.
Mohd Abdul Hafiz bin Jali	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Kepujian) - Pengkhususan Bioproses, Universiti Sains Malaysia dan Diploma Teknologi Makanan dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).</li> <li>- Mempunyai lebih daripada empat tahun pengalaman bekerja dalam industri kelapa sawit dan empat tahun pengalaman dalam audit kemampunan dan perundingan.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit OHSAS 18001:2007, ISO 9001 dan MSPO.</li> </ul>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- Free, Prior and Informed Consent
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....

Alamat: .....

Emel: .....

Nombor Telefon: .....

Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah****Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan**

En. Azrul Wan Azizan

BSI Services Malaysia Sdn Bhd

Level 29, The Gardens North Tower

Mid Valley City Lingkaran Syed Putra

59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 9212 9638 samb. 1039

Faks : +603 9212 9639

Emel : [Azrul.WanAzizan@bsigroup.com](mailto:Azrul.WanAzizan@bsigroup.com)**DAN / Auditee:****ATAU**

En. William Siow Kar Dat

IOI Corporation Berhad

Level 29, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC

IOI Resort City

62502 Putrajaya, Malaysia

Tel : +603 8947 6755 (Ibu pejabat)

Faks: -

Emel : [william.siow@ioigroup.com](mailto:william.siow@ioigroup.com)

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



Azrul Wan Azizan

Pengarah

Operasi, Teknikal &amp; Pematuhan - Jaminan